

29 APR 1998
Samy-Air
KABINET LULUS PENUBUHAN MAN

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Kabinet hari ini meluluskan penubuhan Majlis Air Negara (MAN) yang akan bertindak bagi merancang dan mengatur dengan kerajaan-kerajaan negeri mengenai punca air di negara ini.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata MAN akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota MAN terdiri daripada kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri serta kementerian yang berkaitan, katanya

"Hampir kesemua negeri bersetuju dengan penubuhan MAN," katanya selepas membuka bangunan tambahan Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Castlefield, Puchong, dekat sini.

"Kita akan mula mengadakan perbincangan dengan seberapa segera," katanya.

Samy Vellu berkata penubuhan MAN tidak bermakna hak negeri-negeri dalam soal bekalan air diambil alih kerajaan pusat.

"Kerajaan pusat tidak ambil hak air dari mana-mana negeri. Sebaliknya apabila sesuatu negeri mengambil air dari negeri lain, negeri yang mengambilnya terpaksa membayar. Kita akan menetapkan berapa harga serta kawasan air itu boleh diambil," katanya.

Beliau berkata penubuhan MAN tidak membabitkan apa-apa pindaan pada perlembagaan persekutuan.

Mengenai mesyuarat pertama MAN, Samy Vellu berkata beliau akan menghubungi Perdana Menteri untuk mendapatkan tarikh yang sesuai.

Katanya beliau telah mengarahkan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) pada mesyuarat mingguan kementerian itu hari ini untuk menyiapkan kertas kerja bagi dibawa untuk perbincangan dengan menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri.

Menurutnya satu mesyuarat akan turut diadakan dengan kementerian-kementerian terbabit secepat mungkin dan hasil perbincangan itu akan dibentangkan pada mesyuarat MAN.

Beliau berkata satu pejabat akan diadakan bagi MAN di ibu pejabat JKR.

Menurut beliau pada keseluruhannya, selain menyelaras punca-punca air di seluruh negara, MAN akan turut menetapkan tempat bagi pembinaan sesuatu empangan pada masa akan datang serta perancangan mengenai pembinaan rangkaian paip kebangsaan yang menghubungkan antara negeri-negeri.

Ketika menjawab satu soalan, Samy Vellu menafikan bahawa Jabatan Bekalan Air Selangor (JBAS) telah memberi kebenaran kepada sesiapa untuk mengambil air dari pili bomba.

"Saya telah minta JBA siasat dan ambil tindakan, ini lebih kurang seperti mencuri air, kita akan ambil tindakan mengikut undang-undang," katanya.

Menurutnya beliau menerima laporan terdapat lori-lori yang pergi ke kawasan pedalaman dan mengambil air dari pili-pili bomba serta menjualnya dengan harga antara RM500 dan RM1,000.

-- BERNAMA
RV NMO